

TINGKAT-TINGKAT KEYAKINAN ILMU DALAM ISLAM: SUATU PENELITIAN AKSILOGI

Mohd Syahmir Alias¹
Bahagian Falsafah dan Tamadun,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
11800 Pulau Pinang.

ABSTRAK

Pencarian ilmu adalah aktiviti yang bertujuan mencapai kebenaran yang memberi keyakinan hakiki. Berdasarkan bidang falsafah, segala yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dibahaskan dalam aspek teori ilmu atau epistemologi. Walau bagaimanapun, perbincangan dari aspek tersebut turut memberi kesan kepada aspek teori nilai atau aksiologi. Hal ini kerana, keyakinan ilmu mempunyai tingkatannya yang tersendiri. Tingkat-tingkat inilah yang dinilai dari aspek aksiologi. Oleh itu, makalah ini bertujuan mengenal pasti tingkat-tingkat keyakinan ilmu dalam Islam, dan seterusnya meneliti konsep nilai penting yang terdapat dalam pemerinkkatan tersebut. Berdasarkan kajian dokumen yang dilakukan, data yang diperoleh daripada beberapa ayat al-Qur'an, tafsir al-Qur'an, Hadith, buku, dan artikel berkaitan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Hasilnya, makalah ini menemukan dua bentuk tingkat keyakinan ilmu iaitu tingkat-tingkat positif dan tingkat-tingkat negatif. Walaupun terdapat tingkat-tingkat keyakinan ilmu yang negatif, ia dapat dihilangkan dengan nilai *tabayyun* dan *tawakkal* agar mencapai tingkat keyakinan ilmu yang positif. Kedua-dua nilai inilah yang menjadi kunci kepada aksiologi dari sudut tingkat-tingkat keyakinan ilmu dalam Islam.

Kata kunci: Tingkat Keyakinan, Ilmu, Aksiologi Islam, Tabayyun, Tawakkal

¹ Mohd Syahmir Alias ialah Pensyarah Kanan di Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel: syahmir@usm.my. Bidang kepakaran beliau ialah Falsafah Sains dan Metodologi Penyelidikan Islam.

LEVELS OF SCIENCE IN ISLAM: AN AXIOLOGICAL RESEARCH

ABSTRACT

The quest for knowledge is an activity that seeks to achieve the truth that gives intrinsic conviction. Based on philosophy, everything related to science is debated in theoretical or epistemological aspects. However, the debate on this aspect also affects the theoretical aspects of the value or axiology. This is because the knowledge of science has its own level. These levels are assessed from the aspect of axiology. Therefore, this paper is aimed at identifying the level of confidence of knowledge in Islam, and further examining the concept of important value in the ranking. Based on the study of the documents, the data derived from several verses of the Qur'an, Qur'anic interpretations, Hadiths, books, and related articles were analyzed using qualitative content analysis methods. As a result, this paper finds two forms of knowledge-level beliefs that are positive levels and negative levels. Although there are negative levels of negative beliefs, it can be eliminated by *tabayyun* and *tawakkal* values to achieve a positive level of confidence in knowledge. These two values are the key to axiology from the point of the level of beliefs in knowledge in Islam.

Keywords: *confidence level, science, Islamic axiology, tabayyun, tawakkal*

PENDAHULUAN

Objektif pencarian ilmu dari perspektif Islam adalah untuk mencapai kebenaran yang membawa kepada keyakinan yang sebenar-benarnya (Hashim Musa, Rozita Che Rodi, Halimah Pondo & Salmah Jan Noor Muhammad, 2013:14). Bagi memenuhi objektif tersebut, al-Qur'an dan Hadith memberikan panduan asas terhadap ukuran keyakinan ilmu. Menurut Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (1999:82), terdapat kira-kira lima istilah al-Qur'an yang bersabit dengan martabat keyakinan iaitu pertama, *al-yaqin* (yakin); kedua, *al-zann* (persangkaan); ketiga, *al-syakk* (keraguan pada dua pertentangan); keempat, *syubbiḥ* (kesamaran); dan kelima, *rayb* (keraguan pada perkara ghaib).

Dalam perbincangan falsafah, segala yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dibahaskan dalam aspek epistemologi (Ahmad Sunawari Long, 2008:127). Walau bagaimanapun, perbincangan dari aspek tersebut turut memberi kesan kepada aspek aksiologi. Hal ini kerana, keyakinan ilmu mempunyai peringkatnya yang tersendiri (Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 1999). Pemingkatan inilah yang dinilai dari aspek aksiologi. Menurut Frondizi (1971:10), aksiologi atau teori tentang nilai terbahagi kepada dua ciri umumnya. Pertama, ciri kekutuban yang membincangkan potensi berlawanan seperti baik atau buruk. Kedua, ciri martabat yang membincangkan potensi menegak seperti

peringkat keyakinan ilmu (Grünberg, 2000:17; Abdul Rahman Abdullah, 2010:106).

Oleh yang demikian, makalah ini mempunyai dua tujuan. Pertama, mengenal pasti tingkat-tingkat keyakinan ilmu dalam Islam; dan kedua, meneliti konsep nilai penting yang terdapat dalam pemerinkatan tersebut. Kajian dokumen dilakukan terhadap beberapa ayat al-Qur'an², kitab tafsir al-Qur'an, Hadith³, buku serta artikel berkaitan. Data kemudian dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Daripada objektif yang ditetapkan, makalah ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, perbincangan mengenai tingkat-tingkat kepositifan keyakinan ilmu; kedua, perbincangan mengenai tingkat-tingkat kenegatifan keyakinan ilmu; dan ketiga, konsep nilai yang terdapat dalam pemerinkatan keyakinan ilmu.

TINGKAT-TINGKAT KEPOSITIFAN KEYAKINAN ILMU

Dalam pemerinkatan keyakinan ilmu yang positif, tingkat yang tertinggi ialah *al-yaqin* (Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 1999). Menurut Osman Yahya (1991), *al-yaqin* dapat dibahagikan pula kepada tiga bahagian. Pertama, keyakinan yang sebenar-benarnya (*haqq al-yaqin*); kedua, keyakinan berasaskan penglihatan (*'ayn al-yaqin*); dan ketiga, keyakinan berasaskan pengetahuan (*'ilm al-yaqin*). *Haqq al-yaqin* terletak pada posisi tertinggi. Hal ini bersabit dengan dua kali pengulangan istilah *haqq al-yaqin* dalam al-Qur'an. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya (segala yang disebutkan) itu adalah kebenaran yang diyakini (haqq al-yaqin). Oleh itu, bertasbihlah dengan memuji nama Tuhanmu yang Maha Besar.” (al-Waqi'ah, 56:95-96)

“Dan sesungguhnya al-Qur'an itu adalah kebenaran yang diyakini (haqq al-yaqin). Oleh itu, bertasbihlah dengan memuji nama Tuhanmu yang Maha Besar.” (al-Haqqah, 69:51-52)

Penggunaan istilah *haqq al-yaqin* dalam ayat Surah al-Waqi'ah (56:95) lebih memperincikan kandungan al-Qur'an iaitu keyakinan terhadap perkara berkaitan eskatologi⁴. Perkara yang dimaksudkan ini adalah bersabit dengan keseluruhan kandungan Surah al-Waqi'ah (56:1-96) iaitu peringatan mengenai

² Terjemahan ayat-ayat al-Qur'an yang digunakan dalam makalah ini diperoleh daripada Abdullah Muhammad Basmeih (2001)

³ Semua Hadith yang dipetik dalam makalah ini khususnya yang diriwayatkan oleh al-Bukhariy, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhiy, al-Nasa'iy, Ibn Majah, Ahmad, Malik dan al-Darimi (al-Kutub al-Tis'ah) berasaskan sistem penomboran Lidwa Pusaka (t.t.).

⁴ Eskatologi ialah ilmu mengenai akhir zaman dan alam selepas alam keduniaan. Ia merupakan salah satu ilmu yang penting dalam Islam dan wajib diimani oleh orang Islam (Imran Nazar Hosein, 2014; Amsal Bakhtiar, 2001:315; Ghazali Basri, 2012:25).

kedatangan kemusnahan alam semesta pada hari kiamat dan balasan-balasan yang diterima oleh manusia pada hari akhirat (AbdulMalik AbdulKarim Amrullah [HAMKA], 1987:7152). Justeru, Ibn Kathir (2000:1821) mentafsirkan *haqq al-yaqin* dalam ayat ini sebagai khabar yang benar yang tidak dapat diperdebatkan sama sekali, malah tidak dapat dielakkan oleh sesiapa pun⁵.

Walau bagaimanapun, menurut HAMKA (1988:7619), *haqq al-yaqin* dalam ayat al-Haqqah (69:51) pula memberi konotasi bahawa al-Qur'an itu sendiri adalah suatu kebenaran yang diyakini. Hal ini memberi dua implikasi iaitu pertama, al-Qur'an tidak dapat diragui oleh sesiapa pun; dan kedua, tidak ada hujah yang dapat menyanggah kebenarannya. Ibn Kathir (2000:1916) pula menyatakan keyakinan terhadap kebenaran al-Qur'an memberi erti bahawa tidak ada syak dari sudut bukti empirikal (*al-syakk*) dan juga bukti ghaib (*rayb*). Hal ini kerana, al-Qur'an bersumber daripada Allah SWT yang Maha Benar. Ia secara jelasnya bukan kata-kata penilik nasib (*kahin*), penyair (*sya'ir*) mahupun suatu pembohongan oleh Rasulullah SAW (al-Haqqah, 69:41-44; Sayyid Qutb, 2000h:427).

Perkhabaran mengenai hari pembalasan termasuk dalam perkara-perkara *sam'iyat* iaitu perkara yang tidak diragui keabsahannya (Ghazali Basri, 2012:25). Keyakinan dan keimanan terhadap wujudnya hari pembalasan untuk mengadili perbuatan manusia semasa di dunia merupakan tunjang utama ajaran Islam. Malah, keyakinan ini mendatangkan ketenangan pada hati manusia yang beriman dengannya (HAMKA, 1987:7152-7153). Apabila keyakinan terhadap hal-hal ini tercapai dalam hati, maka manusia diingatkan dalam kedua-dua ayat supaya memuji keagungan Allah SWT (Sayyid Qutb, 2000h:149 & 427). *Haqq al-yaqin* merupakan keyakinan yang diperakui oleh hati terhadap keseluruhan ilmu yang datang daripada al-Qur'an.

Berikutnya, keyakinan ilmu yang berada di bawah tingkat *haqq al-yaqin* ialah keyakinan berasaskan penglihatan (*'ayn al-yaqin*). Hal ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Selepas itu, demi sesungguhnya! Kamu (wahai orang-orang yang derhaka) akan melihatnya dengan penglihatan yang yakin ([’ayn al-yaqin] semasa kamu dilemparkan ke dalamnya!)” (al-Takathur, 102:7)

⁵ Berkenaan perkara yang tidak dapat dielakkan, terdapat satu Hadith mengenai kematian yang diungkapkan sebagai *al-yaqin* oleh Rasulullah SAW. Baginda bersabda yang bermaksud: “Demi Allah, telah datang kepadanya kematian (*al-yaqin*) dan aku berharap dia berada di atas kebaikan. Demi Allah, meskipun aku ini pesuruh Allah, aku sendiri tidak tahu perkara yang akan dilakukan-Nya terhadapku.” (Riwayat al-Bukhariy, no. Hadith: 2490).

Menurut HAMKA (1986:230), setelah meyakini ilmu-ilmu yang disampaikan oleh Rasulullah SAW yang bersumberkan al-Qur'an dan Hadith, maka keyakinan berikutnya adalah pada perkara yang dapat disaksikan dengan deria penglihatan manusia atau disebut *mu'ayanah*. Ilmu pada peringkat ini dialami sendiri oleh manusia melalui kegiatan *tafakkur* dan pemerhatian (Osman Yahya, 1991). Apabila sesuatu perkara yang diketahui dapat dilihat dengan mata, maka ia kembali mengingatkan orang yang lalai, dan dapat menyedarkan orang yang sedang dalam kemabukan (Sayyid Qutb, 2000i:333). Hal ini mengakibatkan keyakinan berasaskan ilmu (*'ilm al-yaqin*) berada selepas tingkat *'ayn al-yaqin*. Oleh sebab itu juga, ayat al-Takathur (102:7) ini datang berturutan selepas ayat yang menyebutkan tentang keyakinan berasaskan ilmu iaitu firman Allah SWT yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya! Kalaulah kamu mengetahui (apa yang kamu akan hadapi) dengan pengetahuan yang yakin (['ilm al-yaqin] tentulah kamu akan mengerjakan perkara-perkara yang menjadi bekal kamu untuk hari akhirat).” (al-Takathur, 102:5)

Berdasarkan ayat ini, HAMKA (1986:230) mentakrifkan *'ilm al-yaqin* sebagai keyakinan terhadap sesuatu perkara atau perkataan yang benar yang disampaikan dan dapat difikirkan oleh akal yang sihat. Apabila mencapai tingkat *'ilm al-yaqin*, seseorang tidak akan diselewengkan dengan perkara yang jelas keburukannya seperti pengetahuan mengenai sifat tamak mengejar kekayaan dunia yang melalaikan manusia daripada mengingati kedatangan alam akhirat (Ibn Kathir, 2000:2027). Menurut Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (1999:39), tingkat keyakinan berasaskan ilmu merupakan hasil kesimpulan yang berimplikasi daripada pengadilan manusia.

Selain ketiga-tiga tingkat keyakinan ini, dalam al-Qur'an juga disebut persangkaan (*al-zann*) sebagai tingkat keyakinan yang positif. Perkara ini dapat diperhatikan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk; (iaitu) mereka yang percaya dengan yakin (yazunnun) bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka dan bahawa mereka akan kembali kepada-Nya.” (al-Baqarah, 2:45-46)

“Sesungguhnya aku telah mengetahui dengan yakin (zanantu) bahawa aku akan menghadapi hitungan amalku (pada hari yang ditentukan)!” (al-Haqqah, 69:20)

Menurut al-Qurtubiy (2006a:72), *al-zann* pada kedua-dua ayat ini mengikut jumur ilmuwan tafsir bermaksud yakin. Jika diperhatikan pada ayat al-Baqarah (2:45), dijelaskan terlebih dahulu mengenai tiga ciri *al-zann* positif terhadap hari akhirat iaitu pertama, sentiasa memohon pertolongan Allah; kedua, bersifat sabar; dan ketiga, mengerjakan solat secara khusyuk. Secara umumnya, ciri-ciri inilah yang disebutkan sebagai bersifat *tawakkal*⁶ kepada Allah SWT. Perkara ini dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“(Ingatlah) ketika orang-orang munafik dan orang-orang yang ada penyakit dalam hatinya berkata: ‘Orang-orang (Islam) itu telah diperdayakan oleh agama mereka (sehingga mereka berani menentang kami yang lebih besar bilangannya)’. Dan (yang sebenarnya) sesiapa yang bertawakkal kepada Allah (dengan sepenuh-penuh yakin, maka Allah akan menolongnya untuk mengalahkan musuh yang lebih besar bilangannya), kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (al-Anfal, 8:49)

Menurut Sayyid Qutb (2000d:211-212) dan Ibn Kathir (2000:848), golongan munafik dan orang-orang yang hatinya tidak berkeyakinan itu pada awalnya ialah golongan yang cenderung kepada Islam. Namun, disebabkan oleh keimanan dan keyakinan yang belum sepenuhnya mantap untuk berperang dalam Peperangan Badar, maka mereka kembali cenderung ke arah kekufuran. Hal ini kerana, mereka hanya melihat dari sudut zahir dan kuantiti (tentera) dan tidak yakin dengan kualiti (tentera) iaitu dari sudut kekuatan spiritual.

Oleh yang demikian, adalah penting bagi hati mempunyai persangkaan *tawakkal* kepada Allah SWT untuk mencapai tahap keyakinan ilmu seperti yang dinyatakan dalam ayat al-Baqarah (2:45-46). Sebenarnya, melalui *tawakkal*, hati pencari ilmu akan terhubung secara langsung dengan Allah SWT. Dalam konteks pencarian ilmu yang diyakini, pentingnya usaha diseiringkan dengan *tawakkal* (Ummu Ihsan & Abu Ihsan al-Atsari, 2013:180 & 189). Hal ini dibuktikan dengan dua dalil berikut yang bermaksud:

“... Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu) maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya.” (Ali ‘Imran, 3:159)

“Ada seorang lelaki yang bertanya: ‘Wahai Rasulullah, apakah aku harus mengikat untaku kemudian bertawakkal atau aku

⁶ *Tawakkal* ditakrifkan sebagai menyandarkan hati dan harapan semata-mata kepada Allah SWT dalam mencapai kebaikan dalam urusan dunia ataupun akhirat mahupun menghindari sebarang keburukan (Ummu Ihsan & Abu Ihsan al-Atsari, 2013:180).

melepaskannya sahaja kemudian bertawakkal'. Baginda menjawab: 'Ikatlah untamu, kemudian bertawakkallah'."
(Riwayat al-Tirmidhiy, no. Hadith: 2441)

Menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1994:111), mesyuarat yang disebut dalam ayat Surah Ali 'Imran (3:159) merangkumi proses *ijtihad*⁷ dan *ijma' al-'ulama'* (himpunan para ilmuwan berautoriti untuk memutuskan sesuatu perkara). Ia merupakan cara terbaik untuk menaikkan tingkat *al-zann* kepada keyakinan yang bersifat nisbi dan menjauhkan keraguan (*al-syakk*). Walau bagaimanapun, sekiranya *al-zann* itu tidak dipandu dengan sifat *tawakkal* kepada Allah SWT, ditambah dengan pemerhatian dan pemikiran yang menyimpang daripada kebenaran yang disampaikan dalam al-Qur'an, maka ia akan jatuh kepada tingkat ketidakyakinan ilmu dalam Islam (Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 1999:33).

TINGKAT-TINGKAT KENEGATIFAN KEYAKINAN ILMU

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, *al-zann* boleh menjadi tingkat ilmu yang tidak diyakini apabila seseorang pencari ilmu tidak mahu meneliti kebenaran dengan cara yang sebenarnya. Perkara ini antaranya dijelaskan dalam kisah kepercayaan kaum Nasrani berkenaan pembunuhan Nabi 'Isa a.s. dalam al-Qur'an. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Dan juga (disebabkan) dakwaan mereka dengan mengatakan: 'Sesungguhnya kami telah membunuh al-Masih 'Isa Ibn Maryam, Rasul Allah'. Padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak menyalibnya, tetapi disamarkan (syubbih) bagi mereka (orang yang mereka bunuh itu seperti Nabi 'Isa) dan sesungguhnya orang-orang yang telah berselisih faham mengenai Nabi 'Isa sebenarnya mereka berada dalam keadaan syak (syakkin) tentang menentukan (pembunuhannya). Tidak ada sesuatu pengetahuan pun bagi mereka mengenainya selain daripada sangkaan (al-zann) semata-mata dan mereka tidak membunuhnya dengan yakin (yaqinan)." (al-Nisa', 4:157)

Dalam ayat al-Nisa' (4:157) ini, dapat diperhatikan empat tingkat keyakinan disebutkan secara berturutan iaitu *syubbih*, *al-syakk*, *al-zann*, dan *al-yaqin*. Oleh sebab tingkat *al-yaqin* telah dibincangkan sebelum ini, maka tiga tingkat selainnya (*syubbih*, *al-syakk*, dan *al-zann*) menjadi fokus dalam bahagian ini.

⁷ *Ijtihad* merupakan suatu proses intelektual yang dilakukan dengan berfikir secara bersungguh-sungguh untuk mentafsirkan ilmu Allah SWT oleh seorang ilmuwan yang berkelayakan (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1994:110).

Menurut HAMKA (1983c:31), *al-zann* ditakrifkan sebagai pertembungan antara dua perkara yang cenderung pada satu-satu jawapan, sama ada “ada” atau “tidak ada”. Dalam ayat tersebut, tingkat *al-zann* yang ditujukan kepada kaum Nasrani ialah kecenderungan mereka menganggap bahawa pembunuhan Nabi ‘Isa a.s. telah terjadi. Ia berdasarkan keterangan penulis-penulis Injil (Mark, Matthew, Luke, dan John) yang dibacakan kepada kaum tersebut, sedangkan tidak ada seorang pun penulis Injil yang hadir ketika berlakunya peristiwa itu. Mereka sekadar mendengar berita daripada orang lain, malah ia ditulis lama selepas kewafatan Nabi ‘Isa a.s. (Sayyid Qutb, 2000c:128).

Persangkaan sebegini begitu jauh daripada keyakinan (*wahm*), apatah lagi kepada keyakinan yang benar kerana sumber rujukan itu sendiri tidak boleh dipercayai (HAMKA, 1983c:32). Hal seperti ini disebut dalam ayat Surah al-Najm (53:28)⁸ sebagai *al-zann* yang tidak berfaedah kepada kebenaran (*al-zann* negatif). Sebarang berita berbentuk *al-zann* negatif yang disampaikan perlulah diselidiki dengan teliti (*tabayyun*) terlebih dahulu kebenarannya. Hal ini berasaskan kepada ayat berikut yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (fatabayyanu⁹) untuk menentukan kebenarannya supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa jua yang kamu telah lakukan.”
(al-Hujurat, 49:6)

Selain itu, ayat al-Nisa’ (4:157) turut menyebutkan mengenai tingkat keraguan (*al-syakk*). *Al-syakk* berbeza dengan *al-zann* apabila seseorang pencari ilmu tidak cenderung kepada jawapan “ada” atau “tidak ada”. Dalam peristilahan bahasa Arab, ia disama ertikan juga dengan kejahilan (HAMKA,

⁸ Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Sedang mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya. Mereka tidak lain hanyalah mengikut sangkaan semata-mata, padahal sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu daripada kebenaran.” (al-Najm, 53:28).

⁹ Gesaan melakukan *tabayyun* sekurang-kurangnya disebutkan pada tiga tempat dalam al-Qur’an. Pertama, dalam Surah al-Hujurat (49:6), manakala kali kedua dan ketiga disebut dalam Surah al-Nisa’ (4:94). Ayat tersebut bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu pergi (berperang) pada jalan Allah (untuk membela Islam), maka hendaklah kamu menyelidik ([fatabayyanu] apa jua perkara dengan sebaik-baiknya) dan janganlah kamu (terburu-buru) mengatakan kepada orang yang menunjukkan kepada kamu sikap damai (dengan memberi salam atau mengucap dua kalimah syahadah): ‘Engkau bukan orang yang beriman’, (lalu kamu membunuhnya) dengan tujuan hendak (mendapat harta bendanya yang merupakan) harta benda kehidupan dunia (yang tidak kekal). (Janganlah kamu gelap mata dengan harta dunia itu) kerana di sisi Allah ada disediakan limpah kurnia yang banyak. Demikianlah juga keadaan kamu dahulu (dapat diketahui oleh orang lain akan keIslaman kamu dengan memberi salam atau mengucap kalimah syahadah), lalu Allah mengurniakan nikmat-Nya kepada kamu. Oleh itu, selidikilah ([fatabayyanu] apa-apa jua terlebih dahulu dan janganlah bertindak dengan terburu-buru). Sesungguhnya Allah sentiasa Memerhati dengan mendalam akan segala yang kamu lakukan.”

1983c:31). Definisi ini dapat dijelaskan lagi dengan ayat al-Qur'an dan Hadith berikut yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Wahai sekalian manusia! Sekiranya kamu menaruh keraguan (syakkin) tentang kebenaran agamaku, maka (ketahuilah) aku tidak menyembah makhluk-makhluk yang kamu sembah selain daripada Allah, tetapi aku hanya menyembah Allah yang akan mematikan kamu (untuk menerima balasan) dan aku diperintahkan supaya menjadi dalam golongan yang beriman.” (Yunus, 10:104)

Dalam ayat Yunus (10:104), Nabi Muhammad SAW menangkis keraguan manusia terhadap Islam dengan menyatakan keyakinannya untuk menyembah Allah SWT yang Maha Esa dan sama sekali tidak menyembah berhala-berhala ciptaan golongan manusia yang mempersekutukan Allah SWT sepertimana yang diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliah (Sayyid Qutb, 2000f:169). Sebagai penangkis kepada tingkat *al-syakk* ini, Rasulullah SAW menjelaskannya dalam Hadith berikut yang bermaksud:

“Dan jika seseorang daripada kalian ragu-ragu (syakk) dalam solatnya, maka harus meyakini (bilangan) mana yang benar, kemudian hendaklah dia sempurnakan, lalu memberi salam kemudian sujud dua kali.” (Riwayat al-Bukhariy, no. Hadith: 386)

Berdasarkan Hadith ini, dapat disimpulkan bahawa apabila berlakunya keraguan antara dua perkara yang bertentangan, maka pencari ilmu diminta untuk memutuskan perkara yang meyakinkan iaitu melalui kesedaran dan pengetahuan.

Selain itu, HAMKA (1983c:30) dalam tafsirnya juga menjelaskan maksud kesamaran (*syubbiḥ*) dalam ayat al-Nisa' (4:157) sebagai penyerupaan fizikal orang yang disalib dengan fizikal Nabi 'Isa a.s. yang dianggap oleh kaum Nasrani sebagai Nabi 'Isa a.s., sedangkan Baginda tidak ada kena mengena dengan kejadian tersebut. Perkara ini dapat difahami dengan lebih lanjut melalui penelitian terhadap persoalan-persoalan dalam ayat berikutnya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“...Bertanyalah lagi: Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? Atau adakah sama gelap-gelita dengan terang? Atau adakah makhluk-makhluk yang mereka jadikan sekutu bagi Allah itu telah mencipta sesuatu seperti ciptaan-Nya, sehingga ciptaan-ciptaan itu menjadi kesamaran (tasyabah) kepada mereka? Katakanlah: Allah jualah yang

menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa.” (al-Ra‘d, 13:16)

Berdasarkan ayat ini, terdapat tiga persoalan yang dikemukakan oleh Allah SWT. Ketiga-tiga persoalan ini sebenarnya menyeru manusia untuk menilai perbezaan dari aspek kualiti atau sifat sesuatu perkara walaupun pada pandangan mata kasarnya mempunyai persamaan. Misalnya, orang yang buta dan orang yang celik kedua-duanya mempunyai mata, namun hanya salah seorang daripada mereka yang dapat melihat segala-galanya. Manusia yang tidak dapat menilai perbezaan inilah yang dikatakan berada dalam tingkat *syubbiḥ* (Sayyid Qutb, 2000e:41-42). Oleh yang demikian, tingkat kenegatifan keyakinan ilmu yang paling bawah ini perlu dijauhkan oleh umat Islam. Hal ini selaras dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“... Maka sesiapa yang menjauhkan diri daripada perkara yang samar (al-syubuhāt) bererti dia telah memelihara agamanya dan kehormatannya. Tetapi, sesiapa yang terjatuh dalam perkara yang samar, maka dia terjatuh kepada keharaman...”
(Riwayat Muslim, no. Hadith: 2996)

Selain daripada tiga tingkat ketidakpercayaan ilmu yang didasarkan pada ayat al-Nisa’ (4:157), terdapat satu lagi bentuk keraguan yang disebutkan dalam al-Qur’an¹⁰ dan Hadith iaitu tingkat *rayb*. *Rayb*, seperti yang dijelaskan oleh Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (1999:31-32), berbeza dengan *al-syakk*. Istilah ini banyak disebut dalam al-Qur’an sebagai keraguan terhadap perkara-perkara ghaib seperti kedatangan hari akhirat. Antaranya, firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang akan meminta izin kepadamu (untuk tidak turut berjihad) hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat dan yang hati mereka (sangat) ragu-ragu (rayb). Oleh itu mereka sentiasa bingung teragak-agak dalam keraguannya.” (al-Tawbah, 9:45)

Berkenaan ayat Surah al-Tawbah (9:45), Ibn Kathir (2000:885) menerangkan bahawa *rayb* ini adalah sejenis keraguan yang datang daripada hati golongan munafik iaitu golongan manusia yang berpura-pura beriman kepada Allah SWT tetapi hatinya menolak kebenaran Islam. Hati golongan ini sentiasa gelisah dan kosong daripada sebarang keyakinan, malah mudah mengkhianati orang lain (Sayyid Qutb, 2000d:362-363). Oleh sebab itu,

¹⁰ Selain daripada ayat-ayat al-Qur’an yang dipetik, terdapat beberapa tempat lagi yang menyebut mengenai tingkat keraguan terhadap benda ghaib (*rayb*). Antaranya ialah Surah al-An’am (6:12), al-Kahf (18:21), al-Jathiyah (45:6 & 22), dan al-Sajdah (32:2).

Rasulullah SAW menyuruh umat Islam untuk meninggalkan *rayb* kerana ia bersamaan dengan sifat dusta. Baginda bersabda yang bermaksud:

“Tinggalkan yang meragukanmu (yaribuka) kepada sesuatu yang tidak meragukanmu kerana kejujuran itu ketenangan dan dusta itu keraguan.” (Riwayat al-Tirmidhiy, no. Hadith: 2442; Riwayat Ahmad, no. Hadith: 1630)


Selain daripada penggunaan istilah *rayb* untuk melambangkan keraguan orang munafik, Allah SWT juga menggunakan istilah ini secara penafian. Misalnya dalam Surah Yunus (10:37), Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“... tidak ada sebarang ragu-ragu pada al-Qur'an itu (la rayba fih) tentang datangnya dari Allah, Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam.” (Yunus, 10:37)

Dalam ayat tersebut, lafaz *la rayba fih* (tidak ada keraguan padanya) digunakan bagi menunjukkan al-Qur'an bukanlah Kitab yang kosong daripada keyakinan. Dalam perkataan lain, al-Qur'an bukanlah suatu kepalsuan, tetapi ia secara pasti bersumberkan Allah SWT (Sayyid Qutb, 2000f:122). Justeru, hal ini menguatkan lagi bahawa al-Qur'an merupakan Kitab yang memiliki tingkat *haqq al-yaqin*.

KONSEP NILAI DALAM TINGKAT-TINGKAT KEYAKINAN ILMU

Berdasarkan perbincangan yang dilakukan, dapat dipaparkan tingkat-tingkat keyakinan ilmu melalui Rajah 1. Dalam Rajah 1, untuk mencapai ilmu yang diyakini (sekurang-kurangnya pada peringkat *'ilm al-yaqin* ataupun *'ayn al-yaqin*), pencari ilmu sewajarnya melakukan *tabayyun* daripada pengetahuan atau maklumat yang bersifat *al-zann* dan seterusnya meletakkan *tawakkal* kepada Allah SWT. Tingkat ilmu *syubbihi* dan *rayb* perlu dijauhkan kerana masing-masing dapat membawa kepada ilmu yang memudaratkan (haram) dan ilmu yang batil (dusta). Secara tidak langsung, pencari ilmu harus menjauhi perkara-perkara yang diharamkan bagi mengelakkan *syubbihi* dan tidak berdusta dalam mencari ilmu bagi mengelakkan *rayb*.



Rajah 1: Tingkat-tingkat Keyakinan Ilmu dari Perspektif Aksiologi

Secara asasnya, ketelitian dalam Islam didasarkan kepada konsep *tabayyun* (Mohd Shukri Hanapi, 2015:37; Zulkifli Muhammad al-Bakri, 2015). Hadith riwayat Ahmad (no. Hadith: 17731) menjelaskan sebab penurunan (*asbab al-nuzul*) ayat Surah al-Hujurat (49:6). Secara ringkasnya, ia berkait dengan empat watak penting iaitu pertama, Rasulullah SAW; kedua, al-Harith Ibn Abi Dirar al-Khuza‘iy; ketiga, al-Walid Ibn ‘Uqbah; dan keempat, *al-ba‘th* (serombongan utusan). Setelah memeluk Islam, al-Harith berjanji untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat setempatnya dan memungut zakat daripada golongan yang memeluk Islam. Beliau meminta Rasulullah SAW mengirinkan utusan kelak mengambil hasil zakat yang dipungutnya. Apabila tiba waktu yang ditetapkan, Rasulullah SAW mengutuskan al-Walid, namun beliau tidak melaksanakan arahan tersebut dan melaporkan kepada Rasulullah SAW bahawa al-Harith menghalangnya daripada mengambil zakat yang terkumpul dan mengugut untuk membunuhnya. Hal ini menyebabkan Rasulullah SAW menghantar *al-ba‘th*¹¹ untuk mengesahkannya dan pada masa

¹¹ Sayyid Qutb (2000:414) dalam tafsirnya menukilkan pendapat daripada ulama tafsir yang lain bahawa Rasulullah SAW menghantar Khalid Ibn al-Walid.

yang sama al-Harith juga berangkat untuk berjumpa Rasulullah SAW dan mereka bertemu di luar kota Madinah.

Al-ba'th bertanya kebenaran dakwaan al-Walid kepada al-Harith, dan beliau menafikannya. Begitu juga, apabila selanjutnya mereka bertemu Rasulullah SAW, Baginda bertanyakan tentang kebenaran dakwaan tersebut dan al-Harith menafikan dakwaan tersebut dan menerangkan keadaan sebenar. Berdasarkan ringkasan Hadith ini, intipatinya dapat dinisbahkan dalam konteks penyelidikan melalui Jadual 1. Sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1, Rasulullah SAW dapat dinisbahkan sebagai pelaku *tabayyun*. Baginda menerima maklumat pertama daripada seorang individu sahaja iaitu al-Walid. Namun, dakwaan ambiguiti yang terdapat dalam laporan tersebut mendorong Rasulullah SAW melakukan *tabayyun* bagi memastikan kebenaran dakwaan tersebut melalui *al-ba'th*. Hasilnya, Rasulullah SAW mendapat laporan berkumpulan dalam jumlah pelapor yang ramai, dan Baginda turut mendapat penjelasan secara langsung daripada sumber pertama iaitu al-Harith.

Jadual 1: Penisbahan *Tabayyun* dalam Pencarian Ilmu Berdasarkan Sebab Penurunan Ayat Keenam Surah al-Hujurat

| Bil. | Watak dalam <i>Asbab al-Nuzul</i> | Nisbah dalam Pencarian Ilmu | Jenis Maklumat | Sifat Matlumat |
|------|-----------------------------------|-----------------------------|----------------|--------------------------|
| 1. | Rasulullah SAW | Pelaku <i>tabayyun</i> | - | - |
| 2. | Al-Harith | Maklumat primer | Sumber pertama | Benar dan meyakinkan |
| 3. | Al-Walid | Maklumat berseorangan | Sumber kedua | Berkemungkinan ambiguiti |
| 4. | <i>Al-Ba'th</i> | Matlumat berkumpulan | Sumber kedua | Poli-angulasi |

Secara umumnya, terdapat dua strategi *tabayyun* yang dapat diitlakkan daripada tindakan Rasulullah SAW. Pertama, mengabsahkan maklumat daripada sumber kedua yang banyak jumlahnya (poli-angulasi) dengan syarat mengetahui konteks sebenar sumber pertama. Kedua, mendapatkan penjelasan kepada sumber pertama sekiranya berkemampuan. Strategi pertama membolehkan pengkaji mendapatkan sekurang-kurangnya maklumat bersifat *zann* yang mendekati keyakinan¹², manakala strategi kedua secara pastinya memberikan pengkaji maklumat yang yakin dan benar.

¹² Dalam persoalan *zann*, sekiranya seseorang penyelidik berada pada posisi yang cenderung ke arah yakin, maka ia dikenali sebagai *zann al-rajiḥ* (Shahir Akram Hassan, 2014:126).

Selain itu, menurut Muhammad al-Tahir ‘Asyur (1984:229), al-Walid pada hakikatnya menyampaikan dakwaan sebegitu kerana timbul persangkaan dalam hatinya. Oleh yang demikian, turunnya ayat al-Hujurat (49:6) ini adalah untuk menyeru manusia supaya meneliti terlebih dahulu sebarang bentuk perkhabaran atau dakwaan sebelum membuat sesuatu kesimpulan. Menurut Sayyid Qutb (2000g:413), konsep *tabayyun* secara idealnya menuntut orang Islam menjadi peneliti dan penyampai yang boleh dipercayai.

Para ilmuwan Islam juga merumuskan satu prinsip melakukan *tabayyun* bagi mengelakkan pendustaan perkhabaran atau nukilan (*naqalan*) dan pernyataan atau dakwaan (*mud‘iyyan*) (al-Butiy, 1996:7). Menurut al-Butiy (1996:7-8), sekiranya perkara yang melibatkan perkhabaran, maka pencari ilmu perlu berusaha menentukan perhubungan atau nisbah kesahihan khabar dengan sumbernya. Pada perhubungan itu mungkin terdapat tokoh tambah yang menimbulkan keraguan. Jika melibatkan pernyataan pula, maka pencari ilmu perlu memfokuskan bukti-bukti yang bertepatan dengannya seperti dakwaan berbasiskan empirikal perlu dilihat kepada bukti empirikal. Penelitian terhadap keaslian sumber perkhabaran dan ketepatan bukti merupakan proses *tabayyun* untuk mengesahkan tingkat keyakinan dalam pencarian ilmu menurut perspektif Islam.

Walau bagaimanapun, para pencari ilmu perlu meletakkan sepenuh keyakinan kepada Allah SWT kerana Allah SWT Maha Mengetahui mengenai segala perkara di segenap penjuru alam semesta. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Allah jualah yang mengetahui rahsia langit dan bumi dan kepada-Nyalah dikembalikan segala urusan. Oleh itu, sembahlah akan Dia serta berserahlah (tawakkal) kepada-Nya dan (ingatlah), Tuhanmu tidak sekali-kali lalai terhadap perkara yang kamu lakukan.” (Hud, 11:123)

Di sinilah terletaknya kepentingan *tawakkal* kepada Allah SWT dalam pencarian ilmu yang meyakinkan. *Tawakkal* dapat menghindarkan para pencari ilmu daripada sebarang bentuk ketidakyakinan dan memperteguhkan hati kepada keyakinan (al-Kaylaniy, 1996:37; Ummu Ihsan & Abu Ihsan al-Atsari, 2013:195-196). *Tawakkal* juga merupakan sifat yang menjadi kelaziman bagi para ilmuwan silam. Sifat ini antaranya dipamerkan melalui penulisan *basmalah* dan memohon taufik daripada-Nya pada permulaan karya, serta diakhiri dengan mendedikasikan hasil karya kepada-Nya (Ahmad F. Yousif, 2011:105). Sebenarnya, usaha mencari keyakinan dan *tawakkal* ini berlaku secara bersepadu kerana *tawakkal* merupakan rangkaian usaha untuk mencapai sesuatu objektif (Ummu Ihsan & Abu Ihsan al-Atsari, 2013:189). Justeru, dalam

konteks perbincangan ini, rangkaian usaha tersebut dikaitkan dengan usaha *tabayyun* yang diseiringkan dengan konsep *tawakkal* kepada Allah SWT.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, makalah ini mendapati lapan peringkat keyakinan ilmu. Empat daripadanya terletak dalam tingkat kepositifan keyakinan ilmu iaitu pertama, *haqq al-yaqin*; kedua, *'ayn al-yaqin*; ketiga, *'ilm al-yaqin*; dan keempat, *al-zann* positif. Empat peringkat lagi termasuk dalam tingkat kenegatifan keyakinan ilmu iaitu pertama, *al-zann* negatif; kedua, *al-syakk*; ketiga, *syubbih*; dan keempat, *rayb*. Walau bagaimanapun, tingkat kenegatifan ilmu ini dapat ditingkatkan kepada tingkat kepositifan ilmu dengan melakukan *tabayyun* dan juga *tawakkal*. Perbincangan ini memberi implikasi kepada pemahaman konsep penarafan keyakinan ilmu ini dari perspektif aksiologi dan kepentingan kepada para pencari ilmu untuk meninggalkan segala ilmu bersifat negatif untuk mencapai kebenaran hakiki.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Abdullah. (2010). *Wacana Falsafah Sains: Sejarah Dan Pemikiran*. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia.
- Abdullah Muhammad Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an* (Muhammad Noor Ibrahim, Semakan). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ahmad F. Yousif. (2011). *Islam And Science: A Southeast Asian Perspective* (2nd ed.). Selangor: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.
- Ahmad Sunawari Long. (2008). *Sejarah Falsafah* (ed. ke-2). Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Butiy, Muhammad Sa'id Ramadan. (1996). *Keyakinan Hakiki: Kewujudan Maha Pencipta Dan Tugas Makhluk Di Alam Semesta* (Muhammad Sulaiman Yassin, Terj.). Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Kaylaniy, Ibrahim Zayd. (1996). *Falsafah Ketuhanan Menurut Al-Qur'an Dalam Surah Al-An'Am* (Muhammad Baihaqi, Terj.). Selangor: Pustaka Ilmi.

- Al-Qurtubiy, Abi ‘Abd Allah Muhammad Ahmad. (2006a). *Al-Jami‘ Li Ahkam Al-Qur’an Al-Juz’ Al-Thani* (‘Abd Allah ‘Abd al-Muhsin, Tahkikan). Beirut, Lubnan: Mu’assasah al-Risalah.
- Amsal Bakhtiar. (2001). Eskatologi Dalam Perdebatan Antara Al-Ghazali Dan Ibn Rusyd. *Mimbar Agama dan Budaya*, 18(4), 315-337.
- Fronzizi, R. (1971). *What Is Value? An Introduction To Axiology* (2nd ed.). La Salle, Illinois: Open Court Publishing Company.
- Ghazali Basri. (2012). *Falsafah Pendidikan Islam: Huraian Konsep Dan Aplikasi*. Negara Brunei Darussalam: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Grünberg, L. (2000). *The Mystery Of Values: Studies In Axiology*. Amsterdam: Rodopi B. V.
- HAMKA, AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1983c). *Tafsir Al-Azhar Juzu’ 6*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- HAMKA, AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1986). *Tafsir Al-Azhar Juzu’ XXX* Surabaya: Penerbit Pustaka Islam.
- HAMKA, AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1987). *Tafsir Al-Azhar Juzu’ 27*. Singapura: Pustaka Nasional.
- HAMKA, AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1988). *Tafsir Al-Azhar Juzu’ 28* Singapura: Pustaka Nasional.
- Hashim Musa, Rozita Che Rodi, Halimah Pondo & Salmah Jan Noor Muhammad (2013). Bahasa Melayu Dan Konsep Kebenaran Ilmu Berdasarkan Pandangan Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *KEMANUSIAAN*, 20(1), 1-22.
- Ibn Kathir, al-Hafiz Abi al-Fida’ Isma‘il ‘Umar al-Qurasyiy al-Dimasyqiy. (2000). *Tafsir al-Qur’an al-‘azim*. Beirut, Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Imran Nazar Hosein. (2014, 9 September). Islamic Eschatology (Ilmu akhir zaman): The End Time, The Qur’an And The Prophecies Of Prophet Muhammad SAW [Fail video]. Dicapai daripada <https://youtu.be/gxkcfi3AqZU>.
- Lidwa Pusaka (t.t.). *Ensiklopedi Hadits Kitab 9 Imam Versi Online*. Dicapai pada 18 Januari 2016 daripada <http://app.lidwa.com/>.

- Mat Rofa Ismail. (2014). *Mantik Dan Etnomantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shukri Hanapi. (2015, Julai/Ogos). *Tabayyun sebelum share dan forward berita*. *Dakwah*, 36-39.
- Muhammad al-Tahir 'Asyur. (1984). *Tafsir al-tahrir wa al-tanwir al-juz' al-sadis wa al-'isyrun*. Tunisia: Al-Dar al-Tunisiyah li al-Nasyar.
- Osman Yahya. (1991). Theophanies and lights in the thought of Ibn 'Arabi. *Journal of the Muhyiddin Ibn 'Arabi Society*, 10 (C. Twinch, Terj.). Dicapai pada 28 Januari 2016 daripada <http://www.ibnarabisociety.org/articles/osmanyahya.html>.
- Sayyid Qutb. (2000c). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di bawah naungan al-Qur'an* (Jld. III, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Sayyid Qutb. (2000d). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di bawah naungan al-Qur'an* (Jld. V, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Sayyid Qutb. (2000e). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di bawah naungan al-Qur'an* (Jilid VII (As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Sayyid Qutb. (2000f). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di bawah naungan al-Qur'an* (Jld. VIII, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Sayyid Qutb. (2000g). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di bawah naungan al-Qur'an* (Jld. X, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Sayyid Qutb. (2000h). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di bawah naungan al-Qur'an* (Jld. XI, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Sayyid Qutb. (2000i). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di bawah naungan al-Qur'an* (Jld. XII, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. (1999). *Epistemologi Islam: Teori ilmu dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ummu Ihsan & Abu Ihsan al-Atsari. (2013). *Aktualisasi akhlak Muslim: 13 cara mencapai akhlak mulia*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. (1994). *Konsep ilmu dalam Islam* (Rosnani Hashim, Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifli Muhammad al-Bakri. (2015). *Berita: Konsep tabayyun dan penerimaannya*. Dicapai pada 8 Ogos 2016 daripada <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/perkhidmatan-s/bl/294-berita-konsep-tabayyun-dan-penerimaannya>.